


Aduan tipu transaksi kedua tertinggi

GAMBAR HIASAN



GAMBAR hiasan

Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my

SEBANYAK 27 hingga 28 peratus aduan membabitkan penipuan transaksi perniagaan dalam talian dilaporkan setiap bulan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, peratusan itu menjadikannya kedua terbanyak daripada 1,500 hingga 2,300 aduan setiap bulan sejak Januari hingga kini selepas aduan berkaitan harga barang.

"Semakin ramai peniaga atas talian, semakin banyak penilaianya, itu trend sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup 1st Student Entrepreneurship Programme (1st Step) di Kolej Vokasional Sungai Buloh, semalam.

Saifuddin berkata, bagi mengatasi masalah yang semakin membimbangkan itu menyebabkan KPDNHEP memperhebatkan lagi program advokasi kepada orang ramai berkaitan perniagaan berkenaan.

Menurutnya, ia juga mensasarkan peniaga dengan memperkenalkan penarafan BizTrust yang tercatat pada profil syarikat dalam rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Selain itu, inisiatif lain yang diambil ialah dengan meningkatkan jumlah 'award' yang dikenakan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada RM50,000 berbanding RM25,000 sebelum ini," katanya.

Mengenai Program 1st Step pula, Saifuddin berkata, jumlah keseluruhan peruntukan yang sudah digunakan ialah sebanyak RM2.9 juta daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM10 juta.

Menurutnya, seramai 46,331 orang pelajar seluruh negara telah memanfaatkan Skim 1Pelajar 1Perniagaan (S1P1P).

"Masih berbaki sebanyak RM7.1 juta, saya menyeru para pelajar terus memanfaatkan skim ini iaitu pendaftaran perniagaan percuma inj sebagai langkah permulaan menjadi seorang usahawan yang berjaya," katanya.

Pada majlis itu juga, DUHMS Flawless Beauty Enterprise dari Kolej Vokasional Dato' Undang Haji Muhammad Sharif Rembau, Negeri Sembilan diumumkan pemenang Program Business Pitching dengan meraih hadiah wang tunai sebanyak RM6,000.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 7 Ogos 2019 @ 1:51 AM

